



KENYATAAN MEDIA

WANITA UMNO BAHAGIAN KETEREH KEKAL UTUH

Wanita UMNO Malaysia menerima hasrat Ketua dan beberapa Ahli Jawatankuasa Wanita UMNO Bahagian Keterah yang telah membuat keputusan untuk keluar parti.

Walaupun keputusan yang dibuat oleh segelintir ahli ini amat mendukacitakan, tetapi tindakan mereka keluar dari parti tidak akan melumpuhkan UMNO Bahagian Keterah seperti yang didakwa.

Susulan daripada pengumuman keluar parti yang dibuat oleh Sabariah Hamzah, Wanita UMNO Bahagian Keterah akan dipangku oleh Naib Ketua Wanita Bahagian Keterah, Marzuani Ardilla Ariffin.

Bagi pihak Wanita UMNO Malaysia, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi khidmat selama ini. Pemimpin datang dan pergi tetapi UMNO akan terus tetap teguh dan berdiri. UMNO memerlukan ahli dan barisan kepimpinan yang setia untuk berjuang demi parti dan negara ini.

DR. NORAINI AHMAD

Ketua Wanita UMNO Malaysia

5 OGOS 2023